Dana BNM untuk PKS :

Kemudahan Peralihan Rendah Karbon



Kemudahan Peralihan Rendah Karbon BNM diwujudkan bagi membantu PKS menerapkan amalan lestari dan rendah karbon.

Perniagaan yang layak memohon kemudahan ini

Kemudahan Peralihan Rendah Karbon ditawarkan kepada PKS dalam semua sektor yang komited untuk mengubah operasi perniagaan kepada operasi rendah karbon. Ia termasuk aktiviti untuk menambahbaik kecekapan tenaga, meningkatkan penggunaan bahan diakui lestari dalam pengeluaran dan mendapatkan pensijilan kelestarian.

Saiz pembiayaan setiap PKS

Maksimum RM10 juta

Kadar pembiayaan kepada PKS

Kadar pembiayaan maksimum

5% setahun, termasuk fi jaminan (jika ada)

Tempoh pembiayaan

Sehingga

10 tahun

Semua permohonan perlu dihantar terus kepada institusi kewangan peserta untuk mengurangkan risiko penipuan kewangan. Institusi kewangan peserta tidak menggunakan mana-mana ejen pihak ketiga bagi tujuan kemudahan ini.

Kemudahan Peralihan Rendah Karbon

Objektif	Menggalakkan dan menyokong PKS menerapkan amalan kelestarian bagi daya tahan perniagaan
Ciri khas	Institusi kewangan peserta akan menyediakan pembiayaan secara padanan
Saiz kemudahan	RM2 bilion [Peruntukan RM1 bilion daripada Bank Negara Malaysia + RM1 bilion daripada institusi kewangan peserta (berdasarkan pembiayaan secara padanan)]
Kriteria kelayakan	PKS dalam semua sektor
Tujuan pembiayaan	Untuk membiayai perbelanjaan modal atau modal kerja bagi memulakan atau memudahkan peralihan kepada operasi rendah karbon dan lestari
Tempoh pembiayaan	Sehingga 10 tahun
Saiz pembiayaan setiap PKS	Maksimum RM10 juta
Kadar pembiayaan kepada PKS	Kadar pembiayaan maksimum 5.0% setahun, termasuk fi jaminan (jika ada)
Jaminan	Skim jaminan yang tersedia di bawah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) / Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP)
Tempoh permohonan	3 Februari 2022 sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya

Maklumat lanjut

Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta

Layari laman sesawang institusi kewangan peserta

bnm.gov.my/sme-financing

Inisiatif:

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penyedia jaminan kredit:

CGC SJPP